

Pakej RM4.3b: Kontraktor Melayu sambut baik

UM 26 SEP 2009

KUALA LUMPUR 25 Sept. — Persatuan Kontraktor-Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) hari ini menyambut baik pengumuman pakej perangsang ekonomi bernilai RM4.3 bilion yang turut menyediakan peruntukan RM600 juta baej kerja membaik pulih bangunan kerajaan dan membina makmal komputer sekolah.

Presidennya Roslan Awang Chik, berkata, pakej itu dipercayai akan dapat membantu memulihkan kembali industri pembinaan dan meningkatkan prestasi ekonomi negara.

Roslan bagaimanapun mengingatkan kerajaan perlu memastikan pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan dibuat bagi memastikan langkah menjana ekonomi membawa kejayaan.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pengumuman pakej berkenaan di sini hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan.

Dr. Mahathir berkata, peruntukan RM4.3 bilion, juga meliputi RM1 bilion untuk

projek-projek pembangunan kecil luar bandar dan perbandaran terpilih serta RM300 juta untuk membaik pulih bangunan, kediaman dan kemudahan kerajaan seperti sekolah dan balai polis selain RM300 juta lagi untuk pembinaan makmal komputer tambahan di sekolah-sekolah.

Roslan menyarankan supaya kontrak-kontrak kerja dalam pakej perangsang yang diumumkan itu diberikan secara terus selain dibuat pemantauan dan bukannya diserahkan kepada kontraktor besar sebelum diberikan kepada kontraktor kecil.

Beliau mendakwa, masalah yang dihadapi oleh kebanyakan kontraktor tempatan terutama di peringkat bawahan atau kelas F adalah cara pelaksanaan di peringkat atasan yang tidak betul.

Utusan difahamkan kontraktor-kontraktor Melayu sebelum ini menghadapi masalah lewat menerima bayaran daripada kontraktor utama dan upah kerja yang diberikan juga lebih kecil berbanding nilai projek yang dijalankan.